



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Ringkasan Eksekutif

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN JPA

2021 - 2025



ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN	1
PRAKATA	2
SEKAPUR SIRIH	3
BAB 1.0 PENGENALAN	4
BAB 2.0 PENDEKATAN PROJEK	5
2.1 METODOLOGI PEMBANGUNAN PROJEK	5
2.2 STRUKTUR TADBIR URUS JAWATANKUASA PSP JPA	7
BAB 3.0 VISI, MISI DAN TERAS STRATEGIK JPA	8
3.1 VISI, MISI DAN TERAS STRATEGIK JPA	8
3.2 VISI DAN MISI PENDIGITALAN JPA	9
BAB 4.0 INISIATIF STRATEGIK PENDIGITALAN	10
4.1 TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN	10
4.2 PEMETAAN INISIATIF STRATEGIK PENDIGITALAN DENGAN PSPSA 2021-2025	11
4.3 STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN	12
BAB 5.0 PELAN TINDAKAN DAN PELAN PELAKSANAAN	17
5.1 PELAN PELAKSANAAN	17
5.2 FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN	36
BAB 6.0 PENUTUP	37

Perutusan

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh dan

Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Ilahi saya panjatkan kerana dengan limpah izinNya Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Tahun 2021-2025 telah dapat dibangunkan dan diterbitkan dengan jayanya.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada semua pihak yang terlibat termasuk Pasukan Perunding dari MAMPU di atas usaha gigih dan komitmen yang tinggi dalam membangunkan PSP JPA. Walaupun kita menghadapi pelbagai dugaan berikutan penularan wabak Covid-19, namun ia langsung tidak mematahkan semangat dalam usaha membangunkan dokumen tersebut.

PSP JPA 2021-2025 merupakan dokumen yang dibangunkan selaras dengan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 bagi menyokong pelaksanaan aspirasi Kerajaan Digital. Dalam mendepani ledakan era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0), saya amat berharap agar hala tuju pembangunan pendigitalan JPA dalam tempoh lima tahun dapat direalisasikan seiring dengan perkembangan pendigitalan masa kini.

Akhir kata, saya berharap semoga semua warga kerja JPA dapat meningkatkan lagi kecekapan serta keberkesanan pengurusan sumber manusia dalam sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan seiring transformasi digital dan seterusnya memenuhi jangkaan pemegang taruh seperti yang dihasratkan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD. RAHMAN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Prakata

*Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera*



Alhamdulillah, segala pujian diberikan kepada Allah S.W.T. kerana Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Tahun 2021-2025 dapat dibangunkan oleh Pasukan Projek PSP JPA dengan kerjasama Pasukan Perunding ICT dari MAMPU. Banyak perkara telah dipelajari oleh Pasukan Projek PSP JPA dan ahli-ahli domain yang mewakili sepuluh bahagian di JPA melalui pelaksanaan bengkel PSP JPA yang telah dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik (BPMS).

Sejak tahun 2020, kita telah menghadapi pelbagai rintangan ekoran tercetusnya pandemik Covid-19. Namun begitu, penghasilan PSP JPA dilihat tepat pada masanya dalam merealisasikan usaha transformasi perkhidmatan awam melalui dasar pendigitalan yang diperkenalkan oleh kerajaan.

Saya juga berharap agar semua pihak yang terlibat dapat memainkan peranan untuk melaksanakan pelan komprehensif seperti yang telah dirancang berdasarkan empat teras strategik pendigitalan yang melibatkan sebanyak sepuluh strategi dan 30 program ICT bagi mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan.

Selari dengan perkembangan teknologi semasa dan disokong oleh visi dan misi JPA, saya yakin kita dapat mencapai kejayaan pelaksanaan PSP JPA dengan komitmen dan kesungguhan daripada semua warga kerja JPA secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. ROSE LENA BINTI LAZEMI
TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (OPERASI)
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Sekapur Sirih

*Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
dan
Salam Sejahtera*



Saya selaku pengarah projek Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Tahun 2021-2025 ingin mengambil kesempatan di sini merakamkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan projek ini. Saya bersyukur kerana projek ini telah berjaya dihasilkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada pihak yang telah menghulurkan bantuan terutamanya kepada Pasukan Perunding ICT MAMPU dan ahli-ahli domain yang telah memberi komitmen dan kerjasama bagi membangunkan PSP JPA.

PSP JPA menjadi satu dokumen *blueprint* bagi JPA untuk membangun dan mengoptimumkan penggunaan pendigitalan dalam mencapai hala tuju dan objektif strategiknya. Pelan ini akan dipantau dari semasa ke semasa dan dikaji semula setiap dua tahun atau mengikut keperluan, supaya pendigitalan akan terus menjadi pemangkin kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan JPA khususnya dan perkhidmatan awam amnya.

Akhir kata, semoga PSP JPA ini dapat dijadikan rujukan pembangunan pendigitalan dan direalisasikan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

DATUK HAJI MOHD DANIAL BIN MA'ALIP
PENGARAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT STRATEGIK
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM



BAB 1

PENGENALAN

PENGENALAN

Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) JPA 2021-2025 merupakan perancangan pelaksanaan inisiatif ICT telah disediakan secara dalaman (*in-house*) oleh Pasukan Pengurusan Projek PSP JPA yang diketuai oleh Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik (BPMS). Pasukan projek ini dibentuk dengan penglibatan wakil setiap bahagian di JPA dengan kerjasama MAMPU sebagai pihak perunding ICT sektor awam.

PSP JPA 2021-2025 merupakan satu *blueprint* yang menggariskan dasar dan hala tuju pembangunan dan pelaksanaan pendigitalan di JPA bagi tempoh lima tahun. PSP JPA ini dibangunkan dengan mengambil kira hala tuju pendigitalan di peringkat nasional dan global seperti *Sustainable Development Goals* (SDG) 2030, Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 dan Pelan Strategik JPA 2021-2025.

Perancangan ICT adalah penting bagi memastikan pelaksanaan inisiatif dan projek ICT selari dengan hala tuju dan matlamat organisasi. Perancangan strategik tersebut perlulah memfokuskan kepada inisiatif ICT yang berkeutamaan dan memberi impak tinggi kepada penyampaian perkhidmatan JPA.



BAB 2

PENDEKATAN PROJEK



2.1 METODOLOGI PEMBANGUNAN PROJEK

PSP JPA dibangunkan secara dalaman (*in-house*) dengan mendapat khidmat perundingan daripada Bahagian Perundingan ICT, MAMPU serta Bahagian Strategik dan Arkitektur ICT, MAMPU. Metodologi yang digunakan adalah berdasarkan Panduan Perancangan Strategik ICT (PerSI) yang dibangunkan oleh MAMPU seperti dalam **Rajah 2-1**, melibatkan tujuh aktiviti utama seperti di bawah.



Nota**: Menganalisis pencapaian PSICT dan ringkasan pencapaian dilaksanakan semasa kajian separuh penggal PSP.

Rajah 2-1: Metodologi Perancangan Strategik ICT (PerSI)




Pembangunan PSP JPA adalah sejajar dengan aktiviti pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) berdasarkan metodologi MyGovEA Peringkat 2: Penilaian (*As-Is*) dan Peringkat 3: Penakrifan (*To-Be*) yang menghasilkan motivasi perubahan perkhidmatan (*motivation view*), *business architecture*, *data architecture*, *aplikasi architecture* dan *teknologi architecture* seperti Rajah 2-2.



Rajah 2-2: Metodologi MyGovEA

2.2 STRUKTUR TADBIR URUS JAWATANKUASA PSP JPA

Struktur tadbir urus projek diwujudkan bagi memastikan pelaksanaan pembangunan Projek PSP JPA berjalan lancar. Rajah 2-3 menunjukkan Struktur Tadbir Urus Projek PSP JPA 2021-2025.



Rajah 2-3: Struktur Tadbir Urus Projek PSP JPA 2021 - 2025



BAB 3

VISI, MISI DAN TERAS STRATEGIK JPA


3.1 VISI, MISI DAN TERAS STRATEGIK JPA

Visi dan Misi JPA adalah seperti dalam **Rajah 3-1**.



Rajah 3-1: Visi dan Misi JPA

Teras Strategik JPA berdasarkan Pelan Strategik JPA 2021-2025 adalah seperti dalam **Rajah 3-2**.



Rajah 3-2: Teras Strategik JPA

3.2 VISI DAN MISI PENDIGITALAN JPA

Visi dan Misi Pendigitalan yang telah dirangka bagi merealisasikan Visi dan Misi JPA adalah seperti JPA adalah seperti dalam Rajah 3-3.

VISI PENDIGITALAN

ICT pemangkin strategik pengurusan sumber manusia dalam pendigitalan perkhidmatan awam

MISI PENDIGITALAN

Memperkasa dan mengoptimumkan perkhidmatan ICT secara holistik dengan adaptasi teknologi baharu ke arah pendigitalan perkhidmatan pengurusan sumber manusia yang cemerlang

Rajah 3-3: Visi dan Misi Pendigitalan JPA



BAB 4

INISIATIF STRATEGIK PENDIGITALAN



4.1 TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN

Selari dengan hala tuju pendigitalan JPA, sebanyak empat teras strategik pendigitalan telah dibentuk berdasarkan empat domain iaitu Aplikasi dan Data, Infrastruktur dan Keselamatan ICT, Tadbir Urus ICT dan Keupayaan ICT. Teras strategik pendigitalan beserta objektifnya adalah seperti dalam **Rajah 4-1**.



Rajah 4-1: Teras Strategik Pendigitalan dan Objektif

4.3 STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN

Strategi dan program pendigitalan dibentuk bagi menyokong empat teras strategik pendigitalan. Ringkasan strategi bagi setiap teras strategik pendigitalan JPA adalah seperti dalam **Rajah 4-3**. Manakala **Rajah 4-4** sehingga **Rajah 4-7** menunjukkan program-program yang telah dirancang.



Rajah 4-3: Ringkasan Teras Strategik, Strategi dan Program Pendigitalan PSP JPA

TERAS STRATEGIK

EKOSISTEM PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU DAN HOLISTIK

STRATEGI 1:

Pemantapan Perkhidmatan Digital yang Bersepadu dan Menyeluruh (*End To End*)

P1: Pembangunan Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRM) Sektor Awam Dengan Adaptasi Teknologi IR4.0

P2: Penambahbaikan Sistem HRMIS2.0

P3: Pembangunan dan Penambahbaikan Sistem bagi Pelaksanaan Pembangunan Kompetensi Kerajaan Digital (DGCD)

P4: Penambahbaikan dan Peningkatan Tahap Keselamatan Sistem bagi Pengurusan Kompetensi Modal Insan Sektor Awam

P5: Penambahbaikan Portal sebagai Gerbang Maklumat JPA

P6: Pembangunan Sistem bagi Pengurusan Persaraan Sektor Awam (SUPER)

P7: Pembangunan dan Penambahbaikan Sistem Generik Pentadbiran Sumber Manusia di JPA

STRATEGI 2:

Pengukuhan Pengurusan dan Penyelarasan bagi Data dan Kandungan Digital

P1: Pemantapan Data Sumber Manusia dan Generik

P2: Peningkatan Keupayaan Analitik Data

P3: Penyediaan dan Peluasan Kandungan Digital

Rajah 4-4: Strategi dan Program bagi Teras Strategik 1

TERAS STRATEGIK

INFRASTRUKTUR DIGITAL YANG MAMPAN, CEKAP DAN SELAMAT




Rajah 4-5: Strategi dan Program bagi Teras Strategik 2

TERAS STRATEGIK

PEMERKASAAN KOMPETENSI DAN PENGURUSAN PERUBAHAN

3



Rajah 4-6: Strategi dan Program bagi Teras Strategik 3

TERAS STRATEGIK

TADBIR URUS DIGITAL YANG DINAMIK DAN KOLABORATIF

4



Rajah 4-7: Strategi dan Program bagi Teras Strategik 4



BAB 5

PELAN TINDAKAN DAN PELAN PELAKSANAAN

5.1 PELAN PELAKSANAAN

Berdasarkan sepuluh strategi dan 30 program pendigitalan yang telah dikenal pasti dalam PSP JPA, pelan tindakan dan pelan pelaksanaan bagi setiap program mengikut teras strategik adalah seperti berikut:

TERAS STRATEGIK I


EKOSISTEM PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU DAN HOLISTIK

STRATEGI 1


Pemantapan Perkhidmatan Digital yang Bersepadu dan Menyeluruh (*End To End*)




STRATEGI 1

Pemantapan Perkhidmatan Digital yang Bersepadu dan Menyeluruh (*End To End*)**SASARAN**

- 8 penambahbaikan sistem

**SASARAN**


- 5 penambahbaikan portal

**SASARAN**

- 3 dokumen pembangunan sistem
- 1 perolehan infrastruktur dan perisian
- 1 pelaksanaan migrasi data
- 1 sistem dan 1 portal SUPER










P7: Pembangunan dan Penambahbaikan Sistem Generik Pentadbiran Sumber Manusia di JPA

**SASARAN**

- 4 pembangunan aplikasi baharu


STRATEGI 1

Pemantapan Perkhidmatan Digital yang Bersepadu dan Menyeluruh (*End To End*)



STRATEGI 2

Pengukuhan Pengurusan dan Penyelarasan bagi Data dan Kandungan Digital



TERAS STRATEGIK 2

INFRASTRUKTUR DIGITAL YANG MAMPAN, CEKAP DAN SELAMAT

STRATEGI 1

Pembangunan dan Pengukuhan Teknologi Infrastruktur Digital

P1 Program

P1: Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan Digital



SASARAN



- Penyenggaraan peralatan asas ICT



- Perkhidmatan sewaan perkakasan asas ICT



SASARAN



- Perolehan penyenggaraan perkakasan/ infrastruktur ICT
- Perolehan *Desktop Management System*
- Perolehan perkhidmatan sewaan baharu perkakasan asas ICT



- Perolehan perkhidmatan ICT *Microsoft Premiere Support (MPS)*
- Pembaharuan lesen perisian automasi pejabat

STRATEGI 1

Pembangunan dan Pengukuhan Teknologi Infrastruktur Digital

**SASARAN**

Oktober 2022



- Penyenggaraan dan pembaharuan lesen UiPath bagi projek RPA (BPPD)

**SASARAN**

Julai 2024



- Perkhidmatan sewaan perkakasan ICT di semua kampus INTAN

**SASARAN**

Disember 2025



- Perolehan mesin pengimbas bagi kegunaan DDMS 2.0
- Perolehan perisian pengaturcaraan, pusat data dan rangkaian
- Perolehan bekalan dan perkhidmatan sewaan baharu perkakasan ICT di semua kampus INTAN

Setiap Tahun



- Perolehan perisian/ pembaharuan lesen perisian automasi pejabat dan Microsoft EES
- Perkhidmatan *Online Exam Software* ELPA (kapasiti 3,000 peserta)
- Pembaharuan lesen dan penyenggaraan sistem Virtua dan Vital di Pusat Sumber INTAN Bukit Kiara


STRATEGI 1

Pembangunan dan Pengukuhan Teknologi Infrastruktur Digital

P2

Program

P2: Penyediaan dan Peningkatan Fasilitas Pengajaran dan Pembelajaran



STRATEGI 2

Pemantapan Rangkaian dan Tahap Keselamatan Siber

P1

Program

P1: Peningkatan Infrastruktur Rangkaian

Aktiviti	Pemilik Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan
Perolehan Peningkatan Infrastruktur dan Penyenggaraan Perkakasan Rangkaian <i>Wired</i> dan <i>Wireless</i> JPA	BPMS	Jun 2024-Disember 2025

SASARAN



- Kemudahan fasiliti infrastruktur rangkaian yang optimum tersedia di JPA
- Penyenggaraan perkakasan rangkaian *wired* dan *wireless*

Aktiviti	Pemilik Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan
Pembaharuan Lesen dan Penyenggaraan Sistem VOIP dan <i>Call Centre</i> JPA	BPMS	Januari 2022-Disember 2025

SASARAN



- 2 pembaharuan lesen dan penyenggaraan Sistem VOIP dan *Call Centre* JPA

Aktiviti	Pemilik Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan
Naiktaraf dan Peluasan Infrastruktur serta Penyenggaraan Perkakasan Rangkaian Tanpa Wayar di INTAN	INTAN	Januari 2021-Disember 2025

SASARAN




- Peluasan liputan rangkaian tanpa wayar di INTAN Jalan Ilmu dan INTAN Sarawak



- Penyenggaraan perkakasan *wired* dan *wireless*

STRATEGI 2

Pemantapan Rangkaian dan Tahap Keselamatan Siber

**SASARAN**

Disember 2024

- Pelaksanaan peningkatan kelajuan rangkaian daripada 1Gbps kepada 10Gbps dan menyediakan kebolehcapaian rangkaian bercirikan *high availability*

**SASARAN**


Disember 2024

- Sistem Telekomunikasi IP PBX tersedia di semua kampus INTAN

P2


Program

P2: Pengukuhan Perkhidmatan dan Pengurusan Keselamatan Siber

**SASARAN**

Disember 2023

- Penyenggaraan rangkaian dan keselamatan sedia ada
- Pembaharuan lesen antivirus sedia ada
- Pembaharuan lesen dan penyenggaraan perisian Sistem Pengurusan dan Analisa Log Keselamatan (SIEM)

**SASARAN**

Disember 2025

- Peningkatan dan pembaharuan lesen perisian *Antivirus & Endpoint Detection and Response (EDR)*, *NextGen Firewall* dan *Web Application Firewall (WAF)*

STRATEGI 2

Pemantapan Rangkaian dan Tahap Keselamatan Siber

**SASARAN**

- Penyediaan kemudahan *Web Application Firewall (WAF)*
- Penyediaan kemudahan perkhidmatan dan lesen perisian *End Point Security* dan *Internet Access Management (IAM)*

**SASARAN**

- Kemudahan sistem *Virtual Private Network (VPN)* tersedia di semua kampus INTAN


STRATEGI 3

Pemantapan Infrastruktur Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC)

P1

Program

P1: Peningkatan Infrastruktur dan Perkhidmatan Pusat Data



STRATEGI 3



Pemantapan Infrastruktur Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC)



P2

Program

P2: Peningkatan Infrastruktur dan Perkhidmatan Pusat Pemulihan Bencana DRC



STRATEGI 3

Pemantapan Infrastruktur Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC)


**SASARAN**

- 1 server *backup* dan perisian di Pusat Data INTAN dan di PDSA, Bandar Enstek
- Penyenggaraan dalam tempoh waranti


P3

Program


P3: Peningkatan dan Peluasan Infrastruktur Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*)

**SASARAN**

- Laporan Kajian Keperluan Pembangunan Infrastruktur Perkhidmatan Pengkomputeran Awan

**SASARAN**

- 2 pembaharuan lesen storan awan JPA

**SASARAN**

- Peningkatan kemudahan infrastruktur storan awan di JPA

TERAS STRATEGIK 3

PEMERKASAAN KOMPETENSI DIGITAL
DAN PENGURUSAN PERUBAHAN


STRATEGI 1

Pemantapan Kompetensi Digital



STRATEGI 2

Pemantapan Pembudayaan Digital dan Inovasi



STRATEGI 2

Pemantapan Pembudayaan Digital dan Inovasi



STRATEGI 3

Pemeriksaan Pengajaran dan Pembelajaran Penjawat Awam



STRATEGI 3

Pemeriksaan Pengajaran dan Pembelajaran
Penjawat Awam

P3	Program	Pemilik Program	Tempoh Pelaksanaan
	P3: Pemantapan Pengiktirafan Personel ICT Penjawat Awam	INTAN	Januari 2021-Disember 2025

SASARAN

- 50 penjawat awam mendapat pengiktirafan ICT oleh badan profesional

P4	Program	Pemilik Program	Tempoh Pelaksanaan
	P4: Peningkatan Adaptasi Budaya Digital Penjawat Awam	INTAN	Januari 2022-Disember 2025

SASARAN

- 4 bengkel Pembudayaan Digital, 8 seminar/ webinar *Emerging Technology*, 8 program Pengurusan Perubahan dan 8 promosi/ libat urus bagi pembudayaan pembelajaran melalui EPSA
- 20% kursus EPSA sedia diikuti secara *blended learning*

P5	Program	Pemilik Program	Tempoh Pelaksanaan
	P5: Peluasan Kolaborasi Strategik Dalam Bidang Digital	INTAN	Januari 2022-Disember 2025

SASARAN


- 20 program kolaborasi dengan Agensi Strategik
- 5 program kolaborasi dengan pihak industri, IPTA dan IPTS

TERAS STRATEGIK 4

TADBIR URUS DIGITAL YANG DINAMIK
DAN KOLABORATIF

STRATEGI 1

Pemantapan Tadbir Urus Digital



SASARAN

Disember 2023



- 2 laporan Pemurnian Tadbir Urus Jawatankuasa ICT (JPA dan INTAN)

Disember 2024




- 1 laporan Pemurnian Tadbir Urus Jawatankuasa Utama HRMIS

Disember 2025



- 1 kertas cadangan struktur tadbir urus BPMS
- Penstrukturan semula BPMS



SASARAN

Disember 2023



- 1 Pasukan EA diwujudkan


Disember 2025



- 1 dokumen Pelan EA JPA secara menyeluruh
- 5 program kesedaran dan 20 sesi latihan EA


STRATEGI 2

Pengukuhan Dasar, Polisi, Pekeliling dan Garis Panduan Digital



STRATEGI 2

Pengukuhan Dasar, Polisi, Pekeliling dan Garis Panduan Digital



SASARAN

- Sesi pengauditan pematuhan dasar, polisi dan garis panduan:
 - i) Pelaksanaan ISMS di JPA
 - ii) Pensijilan ISMS
 - iii) Pensijilan *Green Data Centre*

5.2 FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN

Kejayaan sesebuah organisasi dalam melaksanakan PSP bergantung kepada beberapa faktor kritikal. Di antara faktor kritikal yang menjadi pendorong dalam kejayaan pelaksanaan PSP JPA ini adalah seperti berikut:

1 HALA TUJU ORGANISASI

Penentuan hala tuju yang jelas, komitmen dan sokongan berterusan daripada pihak pengurusan atasan merupakan faktor penting dalam memastikan kelancaran pelaksanaan program ICT dan keperluan sumber yang mencukupi.

2 KOMITMEN PASUKAN PROJEK

Pasukan projek memainkan peranan penting bagi merealisasikan pelaksanaan PSP JPA. Mereka perlu memastikan setiap program yang dirancang dilaksanakan dengan sebaiknya mengikut pelan pelaksanaan yang telah dirangka bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

3 KETERLIBATAN SEMUA PIHAK BERKEPENTINGAN

Semua pihak perlu sentiasa peka terhadap kepantasan perubahan teknologi seperti IR4.0. JPA sebagai peneraju perubahan dalam perkhidmatan awam perlu bersiap siaga ke arah pembaharuan pendigitalan, sentiasa ke hadapan serta pantas bergerak demi memartabatkan agenda perkhidmatan awam. JPA sentiasa menekankan tiga aspek iaitu integriti, kepantasan dan profesionalisme dalam memastikan perkhidmatan pendigitalan dilaksanakan dengan penuh amanah dan tanggungjawab.



BAB 6 **PENUTUP**

PENUTUP

PSP JPA yang dibangunkan ini telah mengenal pasti peranan dan potensi besar pendigitalan dalam menjayakan usaha mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Pelbagai langkah strategik telah dirancang bagi melaksanakan program pendigitalan selaras dengan hasrat dan matlamat ke arah Kerajaan Digital berlandaskan Pelan Strategik JPA 2021-2025 dan PSPSA 2021-2025.

Perancangan strategik perlu ditambah baik dan diperluas dalam usaha menghadapi pelbagai cabaran baharu bagi merealisasi visi dan misi pendigitalan. JPA sebagai pemangkin pengurusan sumber manusia dalam pendigitalan perkhidmatan awam perlu mengadaptasi teknologi baharu seperti IR4.0 dalam memberikan perkhidmatan digital secara holistik. Perancangan strategik pendigitalan akan disusuli dengan pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian bagi memastikan kejayaan pencapaian matlamat dan sasaran yang ditetapkan.

Selaras dengan hasrat "Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030", pembangunan PSP JPA memberikan tumpuan ke arah mencapai matlamat strategik pendigitalan JPA dalam tempoh lima tahun. Pelan ini menyediakan rangka kerja pendigitalan kepada pihak pengurusan untuk memandu hala tuju jabatan serta meningkatkan keupayaan bagi merealisasikan matlamat pendigitalan JPA dengan jayanya. Selain daripada itu, kejayaan pendigitalan JPA memberi nilai tambah kepada inisiatif Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) ke arah pendekatan '*Whole of Government*'.



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Blok C1-C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
Telefon: 603 8000 8000 Emel: komunikasi@jpa.gov.my

Penerbitan:
Bahagian Pembangunan dan Pengurusan
Maklumat Strategik (BPMS)
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)